

‘Terus terap nilai baik, kekal prestasi cemerlang’

PM yakin usaha, semangat bersama penjawat awam mampu angkat martabat negara

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Putrajaya: Mengakhiri 2023, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan, penjawat awam untuk terus menerapkan nilai yang baik dan mengekalkan prestasi cemerlang supaya dapat mengangkat martabat negara ke peringkat lebih tinggi.

Perdana Menteri berkata, biarpun negara kini sedang bergerak menggapai teknologi, pertumbuhan ekonomi, tenaga baharu dan transformasi digi-

tal, nilai yang baik perlu seiring dengan kemajuan terbabit.

"Sementara kita menjadi orang politik atau pentadbir, jangan lupa yang mendasari semua itu ialah nilai yang baik dan peringatan itu kepada kita semua kerana dalam (konsep) MADANI itu saya yakin kita boleh angkat kerajaan kita, hentikan kelemahan lampau.

"Kita bina kembali kekuatan itu dan kita tinggalkan (keburukan) yang berlaku, mudah-mudahan kita tutup tirai 2023 dengan semangat bersama dan membuka lembaran baharu sejarah negara kerana saya amat yakin," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan amanat pada Majlis Perhimpunan Bulanan Perdana Menteri bersama warga Jabatan Perdana Menteri di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tu-



Anwar bersama Ahmad Zahid (tiga dari kiri) dan Armizan (dua dari kanan) pada Majlis Perhimpunan Bulanan Perdana Menteri bersama warga Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

gas-Tugas Khas), Datuk Armizan Mohd Ali dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Dr Zulkapli Mohamed.

Anwar berkata, penjawat awam tidak seharusnya ada budaya terlalu selesa, sebaliknya perlu sentiasa berusaha untuk menjadi lebih baik dan cemerlang.

Katanya, penjawat awam perlu mencari ikhtiar baharu untuk meningkatkan diri selain mengelak daripada kekurangan dan kelemahan.

"Itu yang saya usulkan dari awal supaya budaya dalam politik dan penjawat awam itu memberi ruang mendengar pandangan, teguran malah kritikan membina kerana ini bukan soal pelaburan atau keyakinan nega-

ra luar sahaja, tetapi mengenai kapasiti kita untuk mengangkat kepercayaan ekonomi, sosial dan sebagainya.

"Sekurang-kurangnya kita sudah bagi garis urutan keutamaan bahawa sementara kita menggapai langit, iaitu bidang baharu, termasuk digital, AI (kecerdasan buatan), tenaga baharu, tenaga hijau, hidrogen.

"Tetapi kita harus sentiasa mengakar ke bumi sementara kita menggapai langit kerana kalau kita hanya menggapai langit, kita akan hilang tradisi dan budaya," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri turut mengingatkan penjawat awam supaya mempertahankan nilai dan sikap kesederhanaan.

"(Apa) yang baiknya kalau

ikut budaya masyarakat kita, umumnya orang bertanya kadang-kadang soalnya agak kritikal, tetapi sopan kerana soal nilai dan akhlak itu dipertahankan.

"Sebab itu, kadang-kadang ahli Parlimen harus belajar dengan rakyat mengenai apa erti sopan, erti soalan yang menetapkan soal akhlak dan nilai," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri turut menasihati ahli Parlimen agar mencontohi sikap rakyat yang beradab ketika mengemukakan persoalan dengan sopan dan berakhlak.

Anwar berkata, biarpun persoalan yang dikemukakan dilihat tegas dan kritikal, pertanyaan terbabit disuarakan dengan baik dan tidak keterlaluan.